

UMS tubuh unit perniagaan strategik, galak pelaburan universiti

UB 09.02.2024 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Unit Perniagaan Strategik (SBU) bagi menyokong usaha kelestarian kewangan dan pemangkin dalam menjana idea-idea penjanaan pendapatan.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, SBU adalah konsep penjanaan pendapatan dan ‘game-changer’ yang mula diketengahkan dalam Pelan Strategik UMS 2023-2027.

Katanya, ia juga salah satu langkah proaktif UMS untuk mempergiat aktiviti-aktiviti pelaburan dan penjanaan dalam kalangan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

“Penubuhan ini selaras dengan dasar kerajaan supaya semua Universiti Awam (UA) menjana pendapatan sendiri dalam keadaan pengurangan *

peruntukan Belanja Mengurus Tahunan UA secara berperingkat,” katanya.

Beliau berkata, penubuhan SBU juga bertujuan mempromosikan produk, perkhidmatan dan kepakaran UMS ke arah meningkatkan keterlihat universiti itu di dalam dan luar negara.

Menurutnya, SBU yang dilancarkan itu dikenal pasti berdasarkan ‘track record’ pencapaian penjanaan pendapatan dan potensi PTJ berkenaan dalam menjana hasil melalui aktiviti, projek atau penawaran produk serta perkhidmatan dalam segmen pasaran yang kompetitif.

“Saya pasti dengan adanya polisi dan garis panduan yang lengkap serta mekanisme pemantauan yang berkesan, SBU boleh mencapai sasaran yang ditetapkan dan akan memberi pulangan

balik kepada nilai pelaburan UMS,” katanya pada Majlis Pelancaran Penubuhan dan Pelaksanaan SBU UMS di sini, baru-baru ini.

Pada pelancaran itu, enam PTJ terpilih sebagai SBU iaitu Pusat Luar UMS (PLUMS), Pusat Minda Lestari (PML), Penerbit UMS, Inkubator Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Galeri Azman Hashim UMS (GAH-UMS) dan Pusat Pengurusan EcoFarm).

Turut hadir, Bendahari UMS Badrul Hisham Ismail dan Pengarah Pusat pelaburan, Endowmen dan Wakaf (CIEW) Dr. Borhan Sareya Abdullah.

PENGHARGAAN: Kasim dan Pengarah IPMB Prof. Dr. Ching Fui Fui Abdullah yang mewakili Inkubator IPMB.

